

# KENYATAAN MEDIA

## SHIN EVERSENDI ENGINEERING TERIMA PENILAIAN SCORE LIMA BINTANG

**KUALA LUMPUR, April 27, 2015:** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini mengumumkan Shin Eversendai Engineering (M) Sdn. Bhd telah berjaya mendapat penilaian tertinggi, lima bintang di dalam Program Penilaian Keupayaan Dan Kemampuan Kontraktor (SCORE).

Shin Eversendai Engineering merupakan syarikat kedua yang menerima pengiktirafan tertinggi tersebut selepas Gamuda Berhad yang memperolehnya empat bulan lepas.

Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, Dato' Seri Prof. Ir. Dr. Judin Abdul Karim berkata, pertambahan kontraktor yang mendapat penarafan lima bintang ini diharap akan turut merangsang syarikat pembinaan lain meningkatkan kecekapan mereka mengikut parameter program SCORE.

"Tahun 2015 ini, kami berasa bangga apabila dua syarikat iaitu Shin Eversendai Engineering (M) Sdn. Bhd dan Gamuda Berhad mendapat pengiktirafan lima bintang.

"Ini adalah satu perkembangan positif bahawa keupayaan kontraktor Malaysia kini setanding antarabangsa kerana sistem penilaian SCORE ini mengguna pakai amalan terbaik antarabangsa sebagai kayu pengukur," katanya.

Peningkatan ini jelas beliau lagi secara kolektif, sudah tentu akan membantu meningkatkan imej industri pembinaan Malaysia pada tahun-tahun mendatang.

Shin Eversendai yang merupakan salah satu syarikat yang bernaung di bawah Eversendai Corporation Berhad diiktiraf sebagai sebuah organisasi terkemuka global yang terlibat dalam melaksanakan projek-projek mega, minyak dan gas, industri perkilangan dan sebagainya di beberapa kawasan di Asia dan Timur Tengah.

SCORE merupakan program khusus yang dibangunkan oleh CIDB dengan kerjasama SME Corp bagi mengukur keupayaan dan kemampuan kontraktor tempatan selain mempertingkatkan imej industri pembinaan di Malaysia.

Sebanyak tujuh parameter digunakan sebelum sesebuah syarikat itu layak dinilai menggunakan program SCORE iaitu, prestasi perniagaan, keupayaan kewangan, keupayaan teknikal, pengurusan projek, pengurusan perolehan, amalan terbaik, dan keupayaan pengurusan.

Penilaian SCORE dijalankan setiap tahun sebagai inisiatif CIDB menggalakkan persaingan sihat di kalangan kontraktor disamping membolehkan syarikat menentukan tahap prestasi dan pertumbuhan mereka melalui perbandingan keputusan SCORE yang dicapai.

Sebanyak 7,215 kontraktor dinilai bermula tahun 2009 sehingga 2014 di mana untuk tahun 2014 sahaja sebanyak 3,202 kontraktor yang telah dinilai.

Maklumat lanjut berhubung Program SCORE CIDB, boleh diperolehi di laman web CIDB di [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my) atau e-mel terus sebarang pertanyaan ke [score@cidb.gov.my](mailto:score@cidb.gov.my).

**-Habis-**

*Maklumat lanjut hubungi:*

**Abdul Rakis Santa** ([rakis@cidb.gov.my](mailto:rakis@cidb.gov.my))

03-4047 7262 / 012-6-2003-60;

**Noryani Ismail** ([noryani@cidb.gov.my](mailto:noryani@cidb.gov.my))

03-4047 7027 / 019-285-6867

\*\*\*\*\*

### **Mengenai CIDB**

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*